

# Operasi percubaan MRT tidak melibatkan orang ramai

**KUALA LUMPUR:** Operasi percubaan Transit Aliran Massa (MRT) selama tiga bulan mulai 1 Oktober tidak akan melibatkan orang ramai, kata Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp).

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata: "Percubaan itu tidak melibatkan orang ramai kerana kami perlu memastikan semua berjalan lancar sepenuhnya sebelum ia dibuka kepada mereka."

Dalam satu kenyataan dikeluarkan syarikat itu sempena rumah terbuka hari raya di sini semalam Shahril juga

dilaporkan berkata, kemajuan projek untuk Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) dan Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) adalah lancar.

"Kami hanya mempunyai beberapa bulan untuk fasa satu Laluan SBK di antara stesen Sungai Buloh dan Semantan untuk beroperasi pada akhir tahun. Kemajuan untuk laluan itu kini 86 peratus," katanya.

Shahril berkata, kerja-kerja sistem mekanikal dan elektrik kini menjalani ujian manakala operasi percubaan untuk tren itu akan bermula pada Oktober.

Sementara itu, kerja pembinaan bagi fasa dua Laluan SBK yang meliputi bahagian bawah tanah serta bertingkat di bahagian selatan, berjalan lancar dan bersedia untuk operasi pada Julai 2017.

Bagi Laluan SSP, Shahril berkata, proses memberi tender kepada kontraktor pakej kerja berjalan mengikut jadual.

"Setakat ini, kami telah memberikan 21 pakej kerja. Kerja sudah bermula di beberapa lokasi melibatkan pembersihan tanah dan penetapan lokasi utiliti," tambah beliau.

-- BERNAMA